

TEKS UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

**Majlis Penyampaian Sijil
Para Pelatih Program Pembangunan Belia
Pusat Pembangunan Belia Sesi 2009-2010**

**13 REJAB 1432H / 15 JUN 2011M
JAM :2.00 PETANG
HARI: RABU**

**DEWAN BINADIRI,
PUSAT PEMBANGUNAN BELIA,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Mursalin

Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Mulia

Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh

Pemangku Penolong Pengarah (Ketua Pusat Pembangunan Belia) Selaku
Pengerusi Majlis.

Yang Mulia

Datin Hajah Adina binti Othman,

Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan.

Yang Mulia

Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar,

Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia

Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim,

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia

Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli Lembaga Penasihat Pusat Pembangunan Belia dan Rakan Strategik Pusat Pembangunan Belia.

Para Pegawai dan Kakitangan Pusat Pembangunan Belia, Para Pelatih dan Lulusan Pelatih Pusat Pembangunan Belia serta Para Ibu Bapa dan Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Selamat Petang.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata' ala yang telah mengizinkan kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Belia sesi 2009/2010 pada petang ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para lulusan pelatih Program Pembangunan Belia sesi 2009/2010 yang akan menerima sijil mereka pada petang ini, di atas kejayaan dalam mengikuti program kemahiran masing masing.

Kejayaan hanya akan diperolehi untuk mereka yang bersungguh-sungguh berusaha, yakin kepada keupayaan diri sendiri, sabar dan tabah dalam menghadapi ujian jatuh bangun kehidupan, amat berani merebut peluang peluang yang ada dan sentiasa berdoa dan bermunajat kehadiran Allah Subhanahu Wata,ala untuk dibukakan pintu pintu rezeki dan dikurniakan kejayaan.

Dalam waktu yang sama, dalam menerokai dunia mencari pekerjaan dan memulakan perniagaan, lepasan kursus Pusat Pembangunan Belia perlu membuat perubahan kepada diri mereka sendiri. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan keterampilan diri; membangunkan integriti dan keboleh percayaan; semangat ingin maju; dan mengubah sikap daripada kebodak budakan kepada lebih bersikap matang. Ini perlu juga di sertai dengan sikap jujur dan amanah serta sentiasa bersikap hormat dan bersopan santun.

Saya penoh berharap agar pelatih pelatih yang telah menamatkan kursus apabila melangkah keluar daripada Pusat Pembangunan Belia ini akan membawa azam dan iltizam untuk keluar daripada belenggu pengganguran dan kemiskinan.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Menyentuh mengenai isu pengangaguran dan kemiskinan, salah satu kaedah untuk menagani isu sosial berkenaan ialah melalui pemberian kemahiran diri kepada golongan remaja dan belia yang tidak dapat melanjutkan pendidikan akademik mereka ke peringkat yang tinggi. Dengan kemahiran yang diberikan adalah diharapkan mereka akan memperolehi pekerjaan di sektor awam dan swasta dan juga memulakan perniagaan mengikut kemahiran masing masing.

Kearah ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam melalui Pusat Pembangunan Belia akan sentiasa berusaha kearah pelaksanaan pemberian kemahiran kepada golongan golongan belia megikut kepada keperluan dan permintaan pasaran.

Sehubungan dengan ini Pusat Pembangunan Belia akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi keupayaan dalam memperkenalkan berbagai kursus kemahiran yang mempunyai permintaan di pasaran. Baru baru ini sebuah kursus telah diperkenalkan, iaitu Kursus Perkhidmatan Pramusaji yang menjurus ke arah industri perkhidmatan layanan bagi melahirkan lebih ramai lagi belia yang berkemahiran dalam bidang seumpama ini telah diperkenalkan.

Kursus Perkhidmatan Pramusaji yang merupakan kursus singkat di Pusat Pembangunan Belia yang telah bermula pada 1 Jun hingga 1 Julai 2011 dengan disertai oleh seramai 70 orang belia. Kursus ini bertujuan untuk memberikan kemahiran kepada para belia yang berminat dalam bidang perkhidmatan layanan khususnya bidang pramusaji. Pengenalan kursus ini juga berasaskan kepada permintaan pasaran (market demands).

Malahan akan lebih banyak lagi kursus kursus tambahan akan diperkenalkan dalam masa yang terdekat dalam mana pengendalian kursus kusus tersebut dilaksanakan melalui kaedah “outsourcing” dengan syarikat syarikat swasta yang mempunyai kapasiti didalam bidang bidang kemahiran berkenaan.

Sehubungan dengan ini, Pihak swasta di Negara Brunei Darussalam adalah diseru untuk tampil dan terus memberikan sokongan dan kerjasama kepada usaha usaha Pusat Pembangunan Belia dalam memberikan kemahiran yang bertepatan dengan permintaan pasaran dengan mengujudkan synergy dan perkongsian dengan Pusat Pembangunan Belia.

Selain daripada itu, rancangan untuk membina sebuah lagi Pusat Pembangunan Belia di Daerah Tutong adalah merupakan satu titik tolak dalam usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengembangkan dan membangun belia dengan penekanan kepada pemberian latihan dan kemahiran yang relevan kepada industri minyak dan gas. Usaha usaha ini adalah selaras dengan dan mendukung wawasan negara 2035 iaitu :-

- i. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya;
- ii. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
- iii. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Hadirin yang di hormati sekalian,

Kini Pusat Pembangunan Belia telah mencecah usia enam belas tahun dan telah banyak melahirkan serta melatih belia-belia Brunei dengan pelbagai kemahiran dan kepandaian.

Mengikut statistik terbaru yang diperolehi, seramai seribu sembilan ratus enam puluh sembilan (1,969) orang belia telah dilatih dan mengikuti kursus di pusat ini dari tahun 1996 sehingga tahun 2010. Jumlah tersebut merangkumi, para belia yang mengikuti Program Pembangunan Belia sembilan bulan dan Program-Program Jangka Pendek yang mula dilaksanakan pada tahun 2005.

Daripada jumlah tersebut lima puluh peratus lepasan pusat ini telah berjaya memperolehi pekerjaan sama ada di sektor kerajaan, swasta, berkecimpung dalam bidang perniagaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala dua puluh peratus masih lagi berusaha mencari pekerjaan dan selebihnya iaitu tiga puluh peratus tidak dapat dihubungi.

Berdasarkan statistik tersebut, ini menunjukkan akan cabaran yang dihadapi oleh Pusat Pembangunan Belia dan lepasan lepasan daripada pusat berkenaan dalam mendapatkan perkerjaan dan memulakan perusahaan atau perniagaan.

Pihak Pusat Pembangunan Belia Semua pihak yang berkepentingan samaada dalam kerajaan ataupun di pihak swasta perlu sama sama memperkukuhkan synergy dan pembentukan rakan kongsi yang strategik serta lebih proaktif, inovatif dan kreatif dalam mencari formula menghadapi cabaran yang dihadapi.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para lepasan pelatih yang akan menerima sijil mereka pada pagi ini. Kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Penyampaian Sijil Program Pembangunan Belia sesi 2009/2010 tidak lupa diucapkan terima kasih kerana telah berusaha dalam mengungayahkan majlis ini dan semoga jasa bakti yang ikhlas daripada semua akan dapat ganjaran yang setimpal dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.